

# Pembida projek kerajaan tidak dinamakan demi jamin ketelusan

**Jawatankuasa tender pilih syarikat berdasar keupayaan, rekod prestasi, kewangan**

**Oleh Suraya Ali**  
suraya.ali@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, syarikat yang mengambil bahagian dalam tender projek besar kerajaan tidak akan dinamakan ketika semakan jawatankuasa tender bagi memastikan wujud ketelusan.

Perdana Menteri berkata, kaedah itu akan dapat menjamin tender hanya diberikan kepada syarikat berkemampuan untuk melaksanakan projek berkenaan.

Katanya, perkara itu dicadangkan olehnya pada mesyuarat jawatankuasa tender kelmarin.

Dengan itu, segala keputusan akan dibuat secara telus, berdasarkan kemampuan, rekod keupayaan serta keupayaan kewangan syarikat terbabit.

“Pada mesyuarat yang saya hadir hari ini (kelmarin) dengan jawatankuasa tender yang membuat keputusan mengenai projek besar, saya memberitahu mereka bahawa nama syarikat itu tidak perlu diketahui.

“Kami (jawatankuasa tender) akan membuat keputusan tanpa pengetahuan siapa yang mendapat perolehan tender projek itu.

“Hanya syarikat A, B, C. Kita memutuskan bahawa keputusan harus dibuat semata-mata berdasarkan keupayaan, rekod prestasi dan keupayaan kewangan,” katanya berucap pada Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-50 Peratuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), malam kelmarin.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, jika membabitkan tender projek seperti Jana Wibawa, maka ia perlu diberikan kepada syarikat Bumiputera melalui proses terpilih, tetapi proses itu juga perlu telus.

Amalan ini satu permulaan yang bagus dan patut menjadi garis panduan untuk penganugerahan tender.



Anwar bersama rakan penaja pada Majlis Ulang Tahun Makan Malam REDHA Ke-50 di Petaling Jaya, malam kelmarin.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

Anwar menegaskan, proses pemberian tender yang telus adalah penting untuk memerangi rasuah di negara ini yang kini dilabel sebagai endemik.

“Rasuah akan menjadi endemik jika tidak dilakukan (pencegahan) secara sistematik di negara ini. Perlu keberanian dan keazaman untuk berubah,” katanya.

Pada November lalu, Anwar

menegaskan supaya tata kelola pentadbiran kerajaan baharu tidak boleh lagi berlaku kelulusan perolehan tanpa tender dalam usaha membendung rasuah dan ketirisan.

Katanya, Kerajaan Perpaduan pimpinannya tidak akan mengizinkan sebarang kebocoran, ketirisan dan rasuah terus berleluasa.

Sementara itu, Anwar berkata, isu yang melanda sektor perumahan boleh diselesaikan dengan mempercepat serta mengubah proses lapuk dengan memudahkannya.

“Kita sudah berbincang dengan semua Menteri Besar supaya majlis perbandaran di negeri dapat memudah dan mempercepatkan proses,” katanya.